

## Kaunseling Dalam Masyarakat Islam: Penelitian Terhadap Hadis Nabawi

Nik Yusri Musa

*nikyusri@umk.edu.my*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah*

*Universiti Malaysia Kelantan*

Ruzaini Ijon

*ruzaini@umk.edu.my*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah*

*Universiti Malaysia Kelantan*

### ABSTRAK

Meskipun setiap sarjana memberikan definisi yang berbeza antara satu sama lain, namun pada asasnya mereka bersepakat bahawa kaunseling merupakan suatu proses interaksi yang bermotifkan memberi khidmat bimbingan, pertolongan serta bantuanoleh seseorang yang mempunyai kelayakan tertentu iaitu kaunselor sebagai pembimbing kepada individu yang menghadapi masalah yang disebut sebagai klien. Kaunseling merupakan satu proses interaksi bersemuka dalam bentuk membimbing, menolong dan membantu antara dua pihak. Bidang kaunseling dan kerja sosial mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kedua-dua bidang ini bermula dan berkembang sebagai satu disiplin ilmu di Barat. Kompetensi pengamal kedua-dua bidang ini juga dipantau oleh badan yang dibentuk. Teori kerja sosial dan kaunseling berkongsi laluan pembangunan yang sama iaitu daripada bidang psikologi dan sosiologi. Selain menjadi satu bidang disiplin ilmu yang tersendiri, kaunseling juga digunakan dalam praktis kerja sosial. Penulisan ini adalah merupakan suatu usaha untuk melihat kaunseling dari aspek hadith Nabawi. Meskipun bidang kaunseling merupakan suatu bidang yang diperkenalkan oleh para sarjana Barat, namun asas-asas pemikiran kaunseling dapat dilihat dan diteliti melalui beberapa hadith Rasulullah s.a.w. Perbezaan pandangan jagat terhadap sumber ilmu juga merupakan perkara pokok wujudnya perbandingan antara kaunseling yang diamalkan dalam masyarakat Barat dengan kaunseling yang diamalkan dalam masyarakat Islam. Penelitian secara umum dapat dilihat dalam penulisan ini. Penulisan ini merumuskan bahawa Islam bukan hanya melihat kaunseling sebagai kerjaya semata-mata akan tetapi ia adalah sebagai suatu ibadat yang perlu dilakukan oleh individu-individu yang berkelayakan.

**Kata Kunci:** Kaunseling; Kerja Sosial; Hadis Nabawi; Masyarakat Islam; Psikologi Islam.

### ABSTRACT

Although there are a number of definitions given, it is essentially agreed that counselling is a process of interaction that is motivated to providing assistance by a person who has certain qualifications such as counsellor as a guide to an individual who has a problem namely a client. Counselling is a face-to-face interaction process in the form of guiding, helping and giving advice between two parties. The field of counselling and social work has its own history. Both fields started and grow as a discipline in the West. The practitioners' competencies of these two fields are also monitored by the established bodies. Social work theory and counselling share the same path of development that is from psychology and sociology. In addition to being a separate discipline, counselling is also used in the social work practice. This writing is an attempt to see the aspects of counselling in hadith of Nabawi. Although the field of counselling is introduced by Western scholars, however, the foundations of counselling ideas can be viewed and studied through some of the hadith of Rasulullah s.a.w. Differences in the universal view about the source of knowledge are also a central point of comparison between the practices of

counselling between the Western and Muslim community. This article concludes that Islam not only looks at counselling as a mere career but also as an act of worship that needs to be done by qualified individuals.

**Keywords:** Counselling; Social Work; Hadith Nabawi; Islam Community; Islamic Psychology

## PENGENALAN

Ungkapan kaunseling merupakan perkataan Inggeris yang telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan dari kata asalnya *counseling* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992). Maksud *counseling* menurut etimologi bermakna *giving advice and exchanging information* (Corsini & Ozaki, 1994). Kata asal *Counseling* ialah *counsel* yang bermaksud *to obtain counsel, to give counsel, to take counsel, to give advice and support, to listen and give support to someone with problems* (Longman, 1995 & Hornby, Cowie & Lewis, 1974).

*Counselor* merupakan kata nama daripada *Counseling* yang bermaksud menolong, membimbing dan menunjuk. Manakala *Counseling* menurut penggunaan bahasa ‘Arab ialah *al-Irsyad al-Nafs*. *Counselor* pula ialah *al-Mursyid* (Taha, 1993; Akil, 1985 & Zahran, 1987). Sementara kaunseling menurut penggunaan bahasa Malaysia bermaksud satu proses teratur yang melibatkan perbincangan rapi tentang masalah yang dihadapi oleh seseorang dalam usaha untuk mengatasi atau menyelesaikannya menerusi bimbingan atau nasihat (Teuku, 1985).

Manakala definisi *counseling* menurut terminologi sebagaimana dinyatakan oleh C.R. Rogers ialah ‘*Counseling is an interactive process anjoining the counselee who needs assistance and the counselor who is trained and educated to give this assistance*’ (Rogers, 1942). Blocher (2000) pula berpendapat ‘*Counseling it as helping an individual become aware of himself and the ways in which he reacting to the behavioral influences of the environment. It furtherhelps him to establish some personal meaning for this behaviour and to develop and clarify a set of goals and values for future behaviour*.

Manakala bagi Lewis (1970), *counseling* ialah ‘*is a process by which a trouble persons (client) is helped to feel and behave in a more personally satisfying manner through interaction and reactions which stimulate the client to develope behaviors which enabled him to deal more effectively with himself and his environment*.

Meskipun setiap sarjana memberikan definisi yang berbeza antara satu sama lain, namun pada asasnya mereka bersepakat bahawa kaunseling merupakan suatu proses interaksi yang dilaksanakan secara profesional bermotifkan memberi khidmat bimbingan dan bantuan antara seseorang yang mempunyai kelayakan tertentu iaitu kaunselor sebagai pembimbing kepada individu yang menghadapi masalah yang disebut sebagai klien. Bantuan tersebut diberikan dalam usaha kaunselor memandu klien agar mengetahui serta memahami potensi dirinya.

Meneliti kepada definisi-definisi yang telah dikemukakan dapat disimpulkan bahawa kaunseling merupakan satu proses interaksi bersemuka antara dua orang. Interaksi tersebut berlaku dalam bentuk membimbing, menolong dan memandu seseorang yang berada dalam permasalahan agar mengetahui potensi dirinya dan seterusnya membuat keputusan sendiri terhadap permasalahan yang dihadapi. Ia merupakan suatu proses yang memberi penekanan kepada perhubungan komunikasi, *face to face* antara kaunselor dan klien yang bertujuan untuk membolehkan klien memahami diri dan situasinya.

Pada asasnya bimbingan kaunseling merupakan suatu proses pendidikan yang terjadi secara langsung antara kaunselor dengan klien. Matlamat atau tujuan utama daripada proses ini ialah membuka ruang untuk klien menerusi proses bimbingan bagi menyelesaikan

masalahnya. Bimbingan tersebut diberikan oleh kaunselor kepada klien melalui proses yang terjadi antara keduanya sehingga klien dapat memahami diri, kebolehan, kemampuan serta keupayaannya dalam usaha membina keyakinan kendiri dan seterusnya menyelesaikan masalah yang dihadapi.

a. Sejarah perkembangan kaunseling.

Kaunseling sebagai satu kerjaya (*profesion*), merupakan suatu usaha yang bermula diawal tahun 90an. Ia bermula daripada perkembangan disiplin ilmu psikologi di Barat. Beberapa ahli psikologi Barat seperti *Sigmund Freud* (1856-1939), *Carl Rogers* (1902-1987), *Ivan Pavlov* (1849-1936), *J.B Watson* (1878-1958) dan beberapa individu merupakan individu-individu yang mengkaji mengenai aspek-aspek kemanusiaan seperti emosi, perasaan, tindakan peribadi dan sebagainya. Kajian serta penyelidikan tersebut akhirnya telah melahirkan pandangan yang berbeza tentang manusia yang akhirnya telah memunculkan beberapa teori mengenai kemanusiaan dan akhirnya menjadi asas bagi perkembangan psikologi Barat (Gladding, 1996).

Tidak dapat dinafikan bahawa susur galur kaunseling sebagai satu disiplin pengajian moden adalah merupakan sebahagian daripada kesinambungan disiplin psikologi Barat. Individu yang mahu menceburkan diri dalam bidang ini perlu memenuhi syarat-syarat tertentu bagi mendapatkan pengiktirafan yang sewajarnya daripada pihak atau organisasi tertentu yang mengendalikan profesion ini. Bermula dari bidang psikologi akhirnya kaunseling lahir sebagai satu bidang tersendiri, namun tetap mempunyai hubungan yang rapat dengan psikologi.

Persatuan Bimbingan dan Personal Amerika (*American Personnel and Association (APGA)*) umpamanya yang merupakan sebuah organisasi pendidikan, saintifik dan profesional Amerika Syarikat telah mengariskan beberapa landasan etika untuk dijadikan garis panduan oleh individu-individu yang berminat mencebur入 bidang dan mengkaji bidang kaunseling. Kod etika yang digubal oleh organisasi tersebut akhirnya digunakan di seluruh dunia sebagai suatu ketetapan bagi profesion atau kerjaya seseorang kaunselor (Awang, 1984).

Sepanjang lintasan sejarah, perkembangan profesion ini bermula pada tahun 1908 apabila *Frank Parsons* (1854-1908) yang dianggap sebagai perintis dan pelopor kepada profesion ini telah membuka pejabat bimbingan vokasional di Boston (*Boston Vocational Bureau*). Tujuan utama penubuhannya ialah untuk membimbang belia-belia Amerika pada zaman tersebut mencari pekerjaan yang sesuai menurut potensi diri individu masing-masing (kaunseling kerjaya). Beliau juga telah menulis sebuah buku bertajuk *Choosing A Vocation* dan diterbitkan pada tahun 1909 buku tersebut telah menjadi rujukan utama kepada kaunseling kerjaya pada zaman itu (Gibson, 1999).

Pada tahun 1913, satu persidangan *Guidance Conference* di *Grand Rapids* telah diadakan. Persidangan tersebut telah memutuskan penubuhan *National Vocational Guidance Association*. Hasil daripada persidangan tersebut juga pada tahun 1920-1930an, sekolah menengah dan kolej di Amerika Syarikat mula memasukkan ujian psikologi dan kaunseling dalam kurikulum mereka secara serius untuk mencungkil potensi-potensi pelajar dan juga membantu pelajar membentuk personaliti menurut kesesuaian peribadi masing-masing (Hansen, et al., 1982).

Sementara pada tahun 1950, satu persidangan iaitu *Conference of State Supervisor of Guidance and Counselor Trainers* telah diadakan di Ann Arbor, Michigan. Persidangan tersebut telah mengariskan tiga jenis kriteria yang perlu bagi seseorang kaunselor iaitu, kelayakan perseorangan, kelayakan pengalaman dan kelayakan latihan dalam usaha menjadikan seseorang individu mendapat pengiktirafan yang sewajarnya oleh masyarakat sebagai pembimbing dan juga kaunselor (Bruce & Stone, 1981).

Pembentangan singkat yang dikemukakan mengenai susur galur perkembangan bimbingan dan kaunseling sepanjang lintasan sejarah merumuskan bahawa bidang ini sebenarnya diakui sebagai suatu kerjaya oleh ahli psikologi Barat apabila seseorang individu memenuhi syarat-syarat atau ketetapan tertentu yang melayakannya mendapat gelaran sebagai kaunselor. Dengan penjelasan lain, individu-individu yang ingin menceburkan diri dalam bidang kaunseling perlu melalui proses pembelajaran yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu serta memahami kod etika yang berhubung kait dengan bidang ini.

Selayang pandang dapatlah dirumuskan bahawa proses menjadikan kaunseling sebagai suatu bidang dalam dunia ilmiah sebenarnya terjadi sejajar dengan kemajuan tamadun berfikir serta melalui proses *urbanisasi* yang berterusan ke atas gaya kehidupan manusia. Proses dan perjalanan hidup manusia jugalah yang telah menjadikan bidang perubatan, pendidikan, pembinaan dan sebagainya sebagai suatu profesion.

b. Kaunseling dalam praktis kerja sosial

Definisi kerja sosial menurut *International Federation of Social Workers* ialah sebagai satu profesion yang menggalakkan perubahan sosial, penyelesian masalah dalam perhubungan manusia, memperkasa individu dalam meningkatkan kesejahteraan hidup. Intervensi kerja sosial berlaku apabila manusia berinteraksi dengan persekitaran dengan memanfaatkan teori-teori tingkah laku manusia dan sistem sosial. Prinsip hak asasi manusia dan keadilan sosial merupakan asas kepada kerja sosial (IFSW, 2013). Intervensi kerja sosial merangkumi kaunseling, kerja sosial klinikal, kerja kumpulan, pedagogi sosial, rawatan dan terapi keluarga serta usaha-usaha untuk membantu individu mendapat perkhidmatan dan sumber-sumber dalam komuniti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010). Intervensi merupakan proses merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan bagi mencapai perubahan positif dan mencapai matlamat yang menyelesaikan permasalahan atau meningkatkan kualiti kehidupan klien (Kirst-Ashman, 2010). Intervensi kerja sosial membawa maksud penglibatan pekerja sosial dalam situasi yang dihadapi oleh klien. Keadaan ini berlaku berdasarkan kepada kebenaran yang diberikan oleh klien.

Teori kerja sosial dan kaunseling berkongsi laluan pembangunan yang sama iaitu daripada bidang psikologi dan sosiologi (Seden, 2005). Kedua-dua bidang (kerja sosial dan kaunseling) memberikan tumpuan kepada mencapai kesejahteraan sosial manusia. Pekerja sosial perlu berkebolehan menghubungkan antara teori dengan praktis kerja sosial demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada klien. Hubungan antara teori dengan proses membantu dalam praktis kerja sosial merangkumi pertemuan pertama sehinggalah penamatan. Hubungan antara teori dengan praktis kerja sosial membantu pekerja sosial untuk membina asas teoritikal dalam memberi perkhidmatan kepada klien (Langer & Lietz, 2015). Pemilihan teori oleh pekerja sosial perlulah bersesuaian dengan situasi klien. Keperluan yang mendesak mungkin memerlukan pekerja sosial untuk menggunakan teori krisis. Proses pertolongan yang berlaku perlu mempunyai aspek kebersamaan antara pekerja sosial dengan klien. Ini bermakna di akhirnya klien tiba di hujung proses pertolongan dengan berlakunya perubahan situasi kepada yang lebih baik, berfikiran positif, stabil mindanya dan mempunyai akses kepada sumber-sumber dalam persekitaran sehinggalah kepada perubahan polisi yang menyuburkan lagi hak asasi manusia dan keadilan sosial.

Praktis kerja sosial generik merupakan asas kepada praktis kerja sosial. Pekerja sosial pada masa dahulu dilatih hanya dalam satu domain kemahiran atau praktis yang spesifik seperti individu, kumpulan, komuniti, kanak-kanak, keluarga, polisi dan pentadbiran (Kirst-Ashman, 2010). Pekerja sosial generik adalah mereka yang terlatih untuk memberi respon kepada keperluan klien dari pelbagai peringkat melalui kaedah mikro (individu dan keluarga), mezzo (kumpulan) dan makro (komuniti). Pekerja sosial dipandu oleh ilmu, kemahiran dan nilai kerja sosial dalam memberikan respon kepada klien. Kompetensi pekerja sosial juga

perlu sentiasa dipantau. Dalam konteks Malaysia, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia sedang merangka piawaian kompetensi kebangsaan praktis kerja sosial sebagai penanda aras bagi mengawal praktis dan perkhidmatan yang diberikan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010). Pekerja sosial yang kompeten perlu memahami dan berupaya mengaplikasikan semua elemen praktis kerja sosial dari temubual sehingga penamatkan.

Keperluan pekerja sosial untuk memahami serta memiliki sekurang-kurangnya kemahiran asas kaunseling dalam menyampaikan perkhidmatan kepada klien adalah amat jelas. Kemahiran yang diperlukan oleh pekerja sosial adalah berbeza-beza mengikut persekitaran kerja mereka. Intervensi kerja sosial membuka ruang kepada proses kerja sosial yang lebih berstruktur dan meletakkan keutamaan kepada keperluan klien yang dibantu (Watson & West, 2006). Kepelbagaiannya meliputi kaunseling, kerja sosial klinikal, kerja kumpulan, pedagogi sosial, rawatan dan terapi keluarga serta usaha-usaha untuk membantu individu mendapat perkhidmatan dan sumber-sumber dalam komuniti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010). Apabila diperhalusi, kebanyakannya mempunyai turutan proses yang sama iaitu mengkaji, mendiagnosa, merawat dan menilai. Proses ini dibentangkan secara berturutan tetapi ianya tidaklah bermakna pelaksanaannya hanya dalam satu arah. Intervensi kerja sosial yang dijalankan perlu mengambil kira mengambil kira faktor kepelbagaiannya budaya dan sosio-ekonomi setempat selain turut dipandu oleh dasar semasa seperti Dasar Kebajikan Negara (Haris, 2009). Perlakuan mengambil peduli oleh pekerja sosial didorong oleh keinginan untuk membantu dan membuat perubahan. Oleh yang demikian, kemahiran kaunseling digunakan untuk berkomunikasi dan membina perhubungan menjadi elemen penting dalam perkhidmatan yang disampaikan (Seden, 2005).

### **KAUNSELING MENURUT PANDANGAN ISLAM**

Setelah dijelaskan secara terperinci mengenai definisi, sejarah perkembangan kaunseling dan juga penggunaannya dalam praktis kerja sosial, dapat kita simpulkan bahawa kaunseling pada asasnya merupakan suatu bentuk komunikasi/interaksi yang berlaku antara dua pihak. Satu pihak yang berperanan sebagai pembimbing atau penasihat yang dipanggil kaunselor, manakala satu pihak lagi ialah individu yang menghadapi masalah serta memerlukan bimbining (klien). Matlamat utama daripada proses ini ialah membimbing, memandu atau membantu individu terbabit (klien) dalam usaha menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Perlu diketahui bahawa bidang kaunseling dan kerja sosial sebagaimana di kemukakan di atas merupakan suatu bidang yang mula diperkenalkan oleh para sarjana Barat. Para sarjana Barat menjadikan bidang ini sebagai suatu kerjaya yang memerlukan kepada kelayakan-kelayakan tertentu bagi melayakkan seseorang itu dianggap sebagai kaunselor atau pekerja sosial. Sebagaimana juga bidang kehakiman, kepeguanan dan seumpamanya yang memerlukan klasifikasinya sendiri sehingga melayakkan seseorang dianggap sebagai hakim atau peguam.

Bertolak dari asas tersebut, pemerhatian dan penelitian kepada beberapa hadis Rasulullah s.a.w. menunjukkan bahawa asas pemikiran kaunseling dapat dilihat dan diperhatikan melalui beberapa hadith-hadith tersebut. Walaupun dialog atau komunikasi yang berlaku antara Rasulullah s.a.w. tidak berlaku dalam suatu ‘setting’ atau proses yang terancang atau teratur berdasarkan konsep bimbining dan kaunseling semasa, namun apa yang pasti sesuatu proses atau ‘setting’ itu terbentuk menerusi temujanji serius antara kaunselor dengan klien. Kemajuan berfikir atau berlakunya proses urbanisasi yang begitu pantas dalam kehidupan manusia sebenarnya merubah persepsi manusia sehingga semuanya

perlu dilihat sebagai suatu *setting* yang teratur agar ia dapat dikendalikan dan juga diukur sejauh mana berjaya atau gagalnya proses tersebut.

Bermula dari sini, dapatlah ditegaskan bahawa pengendalian kaunseling secara proses atau *setting* yang terancang atau teratur adalah suatu usaha yang dilakukan untuk diselaraskan dengan perkembangan zaman serta perubahan corak hidup manusia. Bermula dari sini ia dikembangkan oleh para sarjana Barat sebagai suatu proses yang sistematik.

Sehubungan itu, dapat ditegaskan bahawa pengendalian proses dalam suatu *setting* yang teratur mungkin berubah dari satu masyarakat kepada masyarakat yang lain mengikut keterampilan serta acuan pemikiran sesebuah masyarakat. Ini dapat difahami daripada sabda Rasulullah s.a.w.

أَنْتَ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Maksudnya: kamu lebih mengetahui dengan urusan dunia kamu. (H. R. Muslim)

الْحِكْمَةُ ضَلَالَةُ الْمُؤْمِنِ فَحِيثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُ النَّاسِ بِهَا

Maksudnya: hikmah merupakan sesuatu yang hilang daripada orang-orang beriman, dimana ia mendapatinya maka ia lebih berhak dengannya. (H. R. al-Tirmidhi)

Hadith-hadith tersebut memberikan suatu persepsi iaitu apa jua dapatan baru yang terhasil daripada kemajuan pemikiran manusia dalam usaha mereka membina tamadun kehidupan merupakan suatu hikmah yang hilang daripada umat Islam selama mana ia tidak bercanggah dengan asas ajaran Islam yang meletakkan keredaan Allah sebagai matlamat utama kehidupan.

### **ASAS PEMIKIRAN KAUNSELING DALAM ISLAM**

Perbezaan *worldview* antara tamadun Barat sekular dengan Islam melahirkan perbezaan yang ketara dalam beberapa perkara. Salah satu perkara asasnya ialah sumber ilmu itu sendiri. Selain itu, matlamat, pendekatan serta acuan penyelesaian kepada sesuatu isu dan permasalahan juga berbeza. Tamadun Islam melihat kehidupan berasaskan *al-din* manakala tamadun Barat melihat kehidupan berasaskan kepada dunia semata-mata. Tamadun Barat melihat agama terhasil dari budaya kehidupan manakala tamadun Islam pula melihat agama sebagai fitrah manusia. Tamadun Islam melihat kebergantungan manusia kepada Allah sebagai *al-Rabb* adalah sebatи dengan fitrah manusia manakala tamadun Barat tidak mempercayai pertolongan dan rahmat tuhan dalam kehidupan. Tamadun Islam melihat penyembuhan serta penyelesaian kepada setiap permasalahan adalah dengan pertolongan Tuhan, sementara tamadun Barat meletakkan Tuhan hanya di dalam gereja dan rumah-rumah ibadah atau gereja. Justeru dapatlah dirumuskan bahawa kaunseling menurut pandangan Islam mempunyai beberapa ciri yang dikira berbeza dengan kaunseling kontemporari yang dikenali oleh dunia pendidikan dasawarsa ini. Perbezaan aspek ini juga menyebabkan berbezanya bentuk dan jalan penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan yang berlaku ke atas klien. Kaunseling Islam lebih menjurus kepada bimbingan dan nasihat dalam membuat pilihan oleh klien yang didasarkan kepada ajaran al-Quran, hadis, sunah nabi dan ijmak ulama bertujuan mendapatkan manfaat di akhirat pada masa yang sama juga tidak melupakan aspek keduniaan (Manaf, 1995; Salleh, 1993). Kebebasan membuat pilihan oleh klien tertakluk kepada tanggungjawab dalam perhitungan ke atasnya di akhirat (Kadir, 1994).

Tafsiran mengenai manusia sebagaimana telah dikemukakan oleh ahli psikologi Barat seperti Freud, Rogers, Pavlov, Watson, Karl Marx dan sebagainya hanyalah melihat manusia berdasarkan kepada kajian saintifik semata dengan mengabaikan aspek kerohanian manusia. Sebelum mereka menerokai alam kemanusiaan melalui teori-teori yang

dirumuskan hasil daripada kajian saintifik para sarjana muslim seperti al-Ghazali, Ibn Sina, Ibn Khaldun dan sebagainya telah mengemukakan teori-teori mengenai manusia menerusi gabungan antara pengalaman hidup, kajian empiri dan juga wahyu Ilahi. Al-Imam al-Ghazali umpamanya dalam karyanya yang agung *Ihya Ulum al-Din*, telah merumuskan bahawa manusia merupakan gabungan antara empat unsur utama iaitu *al-Aql*, *al-Nafs*, *al-Ruh* dan *al-Qalb*. Begitu juga dengan Ibn Sina yang terkenal sebagai seorang doktor perubatan menerusi bukunya *al-Qanun fi al-Tib*, namun dalam masa yang sama beliau juga terkenal sebagai seorang ahli psikologi. Malah dikatakan bahawa beliau sangat berminat dalam bidang berkenaan kesan akal (*mind*) ke atas jasmani dan banyak menulis berkenaan gangguan psikologi.

### **Al-Nasiyah**

Perlu ditegaskan bahawa kaunseling bukanlah nasihat sebagaimana yang disepakati, namun diteliti dari aspek yang lebih luas kaunseling itu sendiri adalah merupakan sebahagian daripada proses nasihat yang begitu luas pengertiannya. Ini dapat dilihat daripada hadith Rasulullah s.a.w.;

إِذَا اسْتَتَصَحَّ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلَا يُنْصَحِّ لَهُ

Maksudnya: apabila saudara kamu meminta nasihat maka hendaklah kamu berikan nasihat kepadanya. (H. R. al-Bukhari)

Menurut Ibn al-Athir, al-Khatabi dan al-Fakihani, (t.b) *al-Nasiyah* merupakan satu istilah yang padat lagi mendalam, ia bermaksud berusaha memberikan kesejahteraan dan kebaikan untuk orang yang dinasihati.

Walaupun nasihat merupakan suatu istilah yang terlalu umum, namun pada dasarnya Islam telah mempelopori asas pemikiran kaunseling melalui konsep nasihatnya yang begitu agung. Malahan dapat ditegaskan bahawa kaunseling adalah merupakan sebahagian daripada konsep nasihat yang begitu luas skop perbahasananya. Ini dapat dilihat melalui tafsiran al-Imam al-Nawawi (1983) terhadap hadis riwayat al-Imam Muslim,(*الدين النصيحة*) beliau menjelaskan;

يَسْتَحْبَ لِمَنْ هُمْ بِأَمْرِ أَنْ يَشَارُوْفَ فِيهِ مِنْ يَثْقَ بِدِينِهِ وَخَبْرَتِهِ وَحَدْقَهِ  
 وَنَصِيْحَتِهِ وَوَرْعَهِ وَشَفَقَتِهِ

Maksudnya: amat digalakan kepada sesiapa yang dibebani dengan sesuatu masalah ia berbincang mengenainya dengan siapa saja yang ia percayai dan yakini dari sudut agamanya, pengalamannya, kecerdikannya, kebijaksanaannya, kewarakannya serta ketelusurnya. (H. R. Muslim)

Berdasarkan pembentangan yang amat terbatas di atas, dapat disimpulkan bahawa apabila disoroti kaunseling sebagai satu kerjaya dan dari sudut perkembangan dunia pendidikan, kemunculannya adalah berhubung rapat dengan disiplin psikologi Barat. Namun apabila diteliti kepada prinsip asas kaunseling itu sendiri, maka dapat dijelaskan bahawa ia merupakan kesinambungan daripada konsep nasihat dalam Islam, cuma ia diolah dalam bentuk yang lebih moden, terurus serta sistematik sesuai dengan perkembangan zaman dan perubahan sosial yang berlaku. Ia diberi nafas baru oleh para sarjana Barat dengan mengemaskinikan lagi penampilan, pengendalian serta prosesnya sesuai dengan peningkatan statusnya sebagai suatu profesi di zaman ini.

### **Hadith-hadith kaunseling**

Penelitian dan pemerhatian kepada beberapa hadis yang berkaitan dengan isu-isu yang dihadapai oleh para sahabat menerusi dailog yang berlaku antara mereka dengan Rasulullah a.s.w. menunjukkan bahawa asas pemikiran kaunseling dapat dilihat melalui hadis-hadis tersebut. Kebijaksanaan, keperihatinan serta empati Rasulullah s.a.w. sebagai seorang ahli psikologi dan kaunselor dalam usaha menyelesaikan permasalahan para sahabat perlu dinilai dari aspek yang positif untuk mengunjurkan bahawa Islam mempunyai role model yang dapat dijadikan panduan dalam memberikan kaunseling kepada manusia. Hadith yang menceritakan bagaimana seorang lelaki datang berjumpa Rasulullah s.a.w. serta meminta izin untuk berzina umpamanya, merupakan dalil yang nyata serta bukti yang jelas, bahawa Islam telah mendahului Barat dalam menyelesaikan permasalahan manusia melalui pendekatan psikologi.

عن أبي أمامة قال: إن فتى شاباً أتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله إذن لي بالزنا. فأقبل القوم عليه فرجزوه قالوا: مه ما قال؟ أدنى، فدنا منه قريباً قال فجلس، قال: أتحب لآمك قال لا والله جعلني الله فدائثك قال: ولا الناس يحبونه لأمهاتهم. قال: أفتح به لإبنتهك قال: لا والله يا رسول الله جعلني الله فدائثك قال: ولا الناس يحبونهم لبنائهم قال: أفتح به لأخنك قال: لا والله جعلني الله فدائثك قال: ولا الناس يحبونه لأخوائهم قال أفتح به لعمانك قال: لا والله جعلني الله فدائثك قال: ولا الناس يحبونه لعمائهم قال أفتح به لخالتك قال: لا والله جعلني الله فدائثك قال: ولا الناس يحبونه لخالاتهم قال: فوضع يده عليه وقال اللهم اغفر ذنبه وطهر قلبه وحسن فرجه فلم يكن بعد ذلك يلتفت إلى شيء

Maksudnya: daripada Abi Umamah, beliau berkata, sesungguhny seorang pemuda datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata, wahai Rasulullah izinkan aku berzina, maka sahabat-sahabat yang berada sekeliling berpaling melihat serta mengejinya pemuda tersebut, lalu Rasulullah s.a.w. berkata bawalah ia kepada ku, dan pemuda tersebut duduk di sisi Rasulullah s.a.w. lantas Baginda berkata, adakah engkau menyukai zina itu berlaku ke atas ibumu, anak perempuanmu, adikmu, anak saudaramu serta kakak iparmu, pemuda tersebut lantas menjawab, tidak wahai Rasulullah , lalu dijawab oleh Rasulullah s.a.w. begitu juga dengan manusia lain, mereka tidak suka perkara tersebut berlaku ke atas saudara mara mereka, lalu Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya ke atas dada pemuda tersebut serta berdoa: Ya Allah! Ampunkanlah dosanya, sucikanlah hatinya dan lindungilah kemaluannya, setelah itu pemuda tersebut betul-betul berubah sikapnya. (H. R. Imam Ahmad)

Ketenangan Rasululullah s.a.w. dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemuda melalui cara dialog atau komunikasi yang amat sempurna itu telah menginsafkan dan meredakan gelora jiwa pemuda tersebut. Dalam usaha baginda melarang pemuda tersebut melakukan zina baginda tidak mengatakan bahawa zina adalah haram, manakala pelakunya akan diazab oleh Allah. Namun dengan pendekatan psikologi yang diketengahkan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas pemuda tersebut, baginda dapat menahan sesiapa sahaja daripada melakukan perbuatan keji sepertimana yang dikehendaki oleh si pemuda dalam hadith di atas.

Selain daripada itu terdapat juga hadith yang menjelaskan bagaimana Rasulullah s.a.w. menyelesaikan kemurungan yang dihadapi oleh sahabatnya Abu Umamah.

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال: دخل رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم المسجد فإذا هو برجل يقال له أبو أمامة جالساً فيه. فقال: يا أبي أمامة مالي أراك جالساً في المسجد في غير وقت الصلاة. فقال: هموم لزمتني وديون با رسول الله. فقال أفلأ أعلمك كلما إذا أذهب الله عز وجل همك وقضى عنك دينك. فقال بلى يا رسول الله قال: فل إذا أصبحت وإذا أمسيت اللهم إني أعوذ بك من الهم والحزن وأعوذ بك من العجز والكسل وأعوذ بك من الجبن والبخل وأعوذ بك من غلبة الدين وقهر الرجال. فقال: فقلت ذلك فأذهب الله عز وجل همي وقضى عندي ديني

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. masuk ke Masjid suatu hari, tiba-tiba ia dapat seorang pemuda dari kalangan ansar, namanya Abu Umamah yang sedang termenung kegelisahan, lalu Rasulullah s.a.w. bertanya, wahai Abu Umamah! mengapa engkau engkau berada di sini bukan pada waktu sembahyang, lalu dijawab oleh Abu Umamah, kesedihan yang aku hadapi serta hutang yang terbeban ke atasku wahai Rasulullah, lalu Rasulullah s.a.w. menjawab adakah engkau mahu andainya aku ajarkan engkau suatu doa yang mana apabila engkau membacanya nescaya akan hilang kesedihanmu dan Allah akan jelaskan hutangmu, lantas dijawab oleh Abu Umamah, silakan ya Rasulullah, lalu Rasulullah mengajarkan doa tersebut (sebagaimana dalam hadith), Abu Umamah berkata setelah aku mengamalkan doa tersebut maka Allah s.w.t. menghilangkan segala kesedihan dan melangsikan segala hutangku.(H. R. Abu Dawud)

Hadith di atas umpamanya dapat dinilai dari aspek kemahiran seorang kaunselor mengemukakan persoalan/pertanyaan bagi mencungkil permasalahan kliennya. Kemahiran bertanya secara berhikmah sebagaimana ditonjolkan oleh Rasulullah tersebut akhirnya dapat menghuraikan kekusutan psikologi yang dihadapi oleh Abu Umamah.

Hudhaifah al-Yamani, sahabat yang digelar sebagai (*Sahib al-Sirri*) setiausaha sulit Rasulullah s.a.w. umpamanya pernah menceritakan bahawa lidahnya amat senang menyumpah seranah ke atas isteri dan anak-anaknya tanpa dapat dikawal

عن حذيفة رضي الله عنه قال: كان في لسانه ذر على أهلي وكان لا يعودهم إلى غيرهم. فذكرت ذلك للنبي صلى الله عليه وسلم فقال أين أنت من الاستغفار؟ تستغفر الله في اليوم سبعين مرة.

Maksudnya: daripada Hudhaifah r.a. beliau berkata, lidahku sentiasa mengatakan sesuatu yang buruk kepada anak isteriku dan tidak kepada orang lain, lalu aku nyatakan kepada Rasulullah mengenai hal tersebut, lalu dijawab oleh Rasulullah s.a.w. dimana engkau daripada istighfar, beristighfarlah kepada Allah sebanyak 70 kali sehari. (H. R. Ibn Majah)

Sementara asas pemikiran kaunseling kerjaya pula dapat dilihat menerusi hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abi Dhar al-Ghfari r.a.

عن أبي ذر رضي الله عنه قال: قلت يا رسول الله ألا تستعملني؟ قال فضرب بيده على منكبي ثم قال: يا أبي ذر إنما أراك ضعيفاً وإنما أحب لك ما أحب لنفسي وأنها أمانة وأنها يوم القيمة خزي وندامة إلا من أخذها بحقها وأدى الذي عليه فيها

Maksudnya: daripada Abi Dhar, r.a. beliau berkata wahai Rasulullah tidakkah engkau ingin melantikku sebagai dalam sesuatu urusan, lalu baginda memegang bahuku (Abu Dhar) sambil berkata, wahai Abu Dhar! sesungguhnya aku melihat engkau seorang yang lemah dan aku suka untuk dirimu sebagaimana aku suka untuk diriku sendiri, sesungguhnya jawatan tersebut merupakan amanah, dan di hari akhirat kelak membawa penyeselan dan kehinaan kecuali orang yang mengambil kerana kelayakannya serta memberikan sesuatu yang terdapat padanya. (H. R. Muslim)

Hadith riwayat Imam Muslim tersebut menjelaskan bahawa seseorang kaunselor perlu mengetahui potensi, personaliti serta tahap kemampuan klien, samada melalui pengumpulan data atau sebagainya supaya cadangan atau alternatif mengenai sesuatu kerjaya yang dikemukakan oleh kaunselor menepati potensi serta keupayaan klien. Pernyataan ini dapat difahami daripada sabda Rasulullah yang bermaksud “*Wahai Abu Dhar! sesungguhnya aku melihat engkau seorang yang lemah dan aku suka sesuatu buat dirimu sebagaimana aku suka buat diriku sendiri*”, menurut logik sudah tentu Rasulullah s.a.w. memerlukan masa sama ada untuk mengenali Abu Dhar atau mengetahui personalitinya secara terperinci sebelum baginda menjelaskan kepada Abu Dhar bahawa beliau seorang yang lemah dan

tidak berkelayakan untuk jawatan tersebut. Dalam bidang kaunseling ia dipanggil sebagai pengumpulan data. Seorang kaunselor perlu mengumpul data-data yang berkaitan dengan personaliti kliennya sebelum ia memulakan proses kaunseling, kerana dengan adanya data-data mengenai personaliti seseorang klien akan memudahkan kaunselor dalam menjalankan proses kaunseling.

### **Kaunseling dalam masyarakat Islam.**

Worldview yang berbeza antara dua tamadun iaitu tamadun Islam dan Barat sekular menyebabkan berbezanya persepsi individu terhadap kehidupan. Dalam ertikata lain, bidang ini perlu diketengahkan kepada masyarakat Islam mengikut nilai budaya hidup umat Islam berlandaskan kenyataan bahawa terdapat jurang perbezaan yang besar antara masyarakat Barat dengan masyarakat Islam.

Menurut Prof. Dr. Hasan Langgulung, walaupun pakar-pakar psikologi Barat dikira sebagai pelopor dalam bidang ini, namun dalam menerap dan mengamalkan pendekatan kaunseling mereka dalam masyarakat Islam bukanlah sesuatu yang ideal lagi sesuai, malahan ia perlu dikaji dan diteliti dengan serius oleh pakar-pakar psikologi Islam (Langgulung, 1995).

Ketidaksesuaian tersebut adalah berdasarkan kepada beberapa pertimbangan, antaranya;

- a. Memindahkan pendekatan kaunseling dari satu masyarakat kepada satu masyarakat lain tanpa melihat perbezaan ideologi, budaya, pandangan hidup serta nilai yang menjadi ukuran baik buruknya sesuatu masyarakat merupakan suatu kesilapan metodologi yang perlu diteliti dan dinilai semula. Di Barat umpamanya, kaunseling yang diamalkan adalah berteraskan kepada pemisahan agama daripada kehidupan (*separation of church and state*) terdapat pemisahan antara kaunseling keagamaan dan keduniaan, kaunseling keagamaan dijalankan dirumah dan gereja, manakala kaunseling keduniaan diamalkan di sekolah, kilang dan pusat-pusat bimbingan yang disediakan.

Manakala dalam masyarakat Islam tidak ada pemisahan yang sedemikian, agama dan dunia adalah hak Allah yang menguasai alam dan seluruh kehidupan manusia adalah berpaksikan kepada agama dan tidak terdapat sekali-kali pemisahan antara hal-hal keagamaan atau keduniaan.

- b. Pelaksanaan kaunseling di Barat adalah berdasarkan kepada falsafah hidup yang pragmatisme iaitu kebebasan dan kemerdekaan individu tanpa batasan serta mengikut kehendak dan kemahiran sendiri. Individu lain tidak berhak untuk menegur atau menghalang sesiapapun. Setiap individu bebas melakukan apa sahaja yang diingini asalkan tidak mengganggu ketenteraman orang lain. Falsafah hidup yang sebegini memberi kebebasan sepenuhnya kepada warganegara untuk melakukan sesuatu tindakan tanpa mengira batas-batas agama serta nilai-nilai murni kehidupan. Masyarakat yang begini juga tidak prihatin terhadap hubungan kekeluargaan, kesucian terhadap kehidupan berumahtangga serta tidak mempedulikan perasaan cinta dan kasih sayang antara sesama manusia.

Manakala dalam masyarakat Islam kaunseling diberikan kepada suatu masyarakat yang memandang suci kepada kehidupan dan institusi kekeluargaan, menyeru kepada sayang-menayangi, tolong menolong, bantu membantu, berakhlak luhur antara sesama manusia, membersihkan diri dari segala amalan hina dan keji serta mengajak kepada ketaqwaan antara satu sama lain.

- c. Berbezanya pandangan mengenai konsep akhlak dan juga nilai-nilai murni antara Islam dan Barat. Dalam masyarakat Barat, pandangan terhadap nilai-nilai murni dan

juga moral adalah berubah-ubah mengikut peredaran zaman dan tempat. Zina umpamanya disuatu masa ia dianggap suatu perbuatan yang menjijikan, tetapi pada masa yang lain ia tidak dianggap sesuatu yang keji apabila dilakukan atas dasar suka sama suka, begitu juga dengan minum arak, perhubungan sejenis antara sesama lelaki (homoseks) mahupun sesama perempuan (lesbian) dan sebagainya merupakan perbuatan yang diterima oleh masyarakat Barat kini.

Sedangkan dalam masyarakat Islam, nilai-nilai akhlak yang murni adalah berdasarkan kepada ketetapan Ilahi yang terhasil daripada curahan wahyu sama ada dari al-Quran atau al-Sunnah yang sesuai dengan fitrah manusia. Perbuatan yang dinyatakan di atas umpamanya merupakan sesuatu yang ditolak oleh masyarakat Islam. Malahan ia merupakan suatu kemungkaran yang wajib ditegah dan dicegah daripada berlaku dalam masyarakat.

Bertolak daripada kenyataan-kenyataan di atas maka para sarjana dan ahli psikologi Islam seharusnya memikirkan cara untuk mewujudkan falsafah kaunseling berteraskan paradigma keagamaan (*al-Din al-Islami*) yang mengutamakan pendekatan Tauhid dan pengabdian diri kepada penciptanya dalam setiap proses pendidikan. Pendekatan keagamaan dalam profesi kaunseling perlu diterapkan terutamanya dalam kontek budaya hidup Islam untuk menjadikan kerjaya ini lebih bermanfaat dan bermakna, terutamanya dalam usaha mendidik serta membimbing manusia ke arah kesempurnaan dan berakhhlak mulia.

## KESIMPULAN

Penulisan ini merumuskan bahawa Islam bukan hanya melihat kaunseling sebagai kerjaya semata-mata akan tetapi ia adalah sebagai suatu ibadat yang perlu dilakukan oleh individu-individu yang berkelayakan. Ini dapat difahami daripada sabda Rasulullah s.a.w.

من نفس عن مؤمن من كربلة من كرب الله عنه كربة من كرب يوم القيمة ومن يسر على ميسر يسر الله عليه  
 في الدنيا والآخرة والله في عون العبد ما كان العبد في عون أخيه

Maksudnya: sesiapa yang melapangkan hati orang beriman daripada kesusahan atau kerisauan dunia nescaya Allah akan menghilangkan kesusahannya di hari kiamat, sesiapa yang memudahkan perkara-perkara yang sukar nescaya Allah akan memudahkan kepadanya samada di dunia atau akhirat dan Allah sentiasa akan menolong hambanya selama mana hambanya menolong saudaranya. (H. R. Muslim)

Bermula dari sini dapat ditegaskan bahawa beberapa aspek pemikiran kaunseling dapat diperhatikan daripada beberapa hadis Rasulullah s.a.w. namun ia perlu cuma ia perlu dicorakkinikan serta diberikan ulasan mengikut kesesuaian peredaran dan perubahan zaman.

Justeru, ia memerlukan kefahaman serta komitmen yang ampuh daripada setiap cendikiawan Muslim bagi menonjolkan kepada masyarakat Islam suatu bentuk atau pemikiran kaunseling yang dapat dihayati atau diaplikasikan dalam kehidupan seharian umat Islam. Perbendaharaan Islam sebenarnya amat kaya dengan tamadun keilmuan yang dapat menyelesaikan apa sahaja permasalahan yang berkaitan dengan manusia. Cuma ia memerlukan individu yang memahami Islam secara menyeluruh serta komitmen yang tinggi daripada mereka dalam menghuraikan setiap sesuatu yang dilihat sebagai suatu yang baru.

Sikap prejudis atau memusuhi sesuatu yang baru tanpa mengambil kira peranan Islam dalam membentuk tamadun manusia dari segi rohani dan jasmani perlu dirubah kepada sikap menerima sesuatu dengan kritis agar membawa perubahan atau menghasilkan penemuan baru kepada setiap kajian yang dilakukan.

## RUJUKAN

- Akil, F. (1985). *Mu'jam ilm al-nafs*. Beirut: *Dar al-Ilm Lil Malayin*.
- Al-Nawawi (1983), *Al-Adhkar al-Muntakhabah Min Kalam Sayyid al-Abرار*, tahqiq Ahmad Ratib Hamusi, Beirut:Dar al-Fikr, hal 460.
- Awang, A. (1984), *Jurnal Perkama*, bil 2, Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA), hal 6-7.
- Blocher, D. H. (2000). *Counseling: A developmental approach*. John Wiley & Sons Inc.
- Bruce, S., & Stone, S. C. (1981). Fundamentals of guidance.
- Corsini, R. J., & Ozaki, B. D. (1994). *Encyclopedia of psychology* (Vol. 1). New York: Wiley.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1992). *Kamus Inggeris-Melayu Dewan: An English-Malay Dictionary*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gladding, S. T. 1996. Counseling. A Comprehensive profession.
- Gibson, R. L. (1999). *Introduction to counseling and guidance*. Prentice Hall.
- Hadith riwayat Abu Dawud, lihat Abi al-Khatib, Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi (1979), 'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud, Beirut:Dar al-Fikr, jil 7, hal 122.
- Hadith riwayat Ibn Majah, Lihat, *Sunan Ibn Majah*, jil 2, hal 1254.
- Hadith riwayat Imam Muslim, lihat, al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, jil 11-12, hal 176-177.
- Hadith riwayat Muslim, op cit, juz 18, hal 18.
- Hadith riwayat Imam Ahmad (1993), lihat Abi 'Abd Allah al-Syaibani, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, Masnad Abi Umamah*, Beirut: Muasasah al-Tarikh al-'Arabi, hal 342.
- Hadith riwayat al-Bukhari, lihat Fath al-Bari, jil 3, hal 112.
- Hadith riwayat Imam Muslim, lihat *Syarh Sahih Muslim li al-Nawawy*, tahqiq Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, Kitab al-Fadail, Beirut, Dar al-Kutb al-'Ilmiyah. Jil 16, hal 96.
- Hadith Riwayat al-Tirmidhi, Lihat al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Syarh Jam'i al-Turmudhi*, bab al-'Ilm, Dar al-Fikr, Beirut, jil 7, hal 433.
- Haris, A. W. (2009). Perkembangan dan cabaran perkhidmatan kerja sosial perubatan di Malaysia. *Malaysian Jurnal of Social Administration*, 6, 1–18.
- Hansen, J. C., Stevic, R. R., & Warner, R. W. (1982). *Counseling: Theory and process* (Vol. 23). Allyn & Bacon.
- Hornby, A. S., Cowie, A. P., & Lewis, J. W. (1974). *Oxford advanced learner's dictionary of current English* (Vol. 4). London: Oxford university press.
- Ibn al-Athir, al-Jazry, *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, Maktabah Helwani, Beirut, juz 11, hal 558. Al-Imam al-Nawawi, op cit, hal 226.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2010). Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia.
- Kadir, H. A. A. (1994). *Kaunseling dan psikologi menurut Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langgulung, H. (1995). *Pendidikan Islam dan peralihan paradigma*. HIZBI.
- Longman. (1995). *Longman dictionary of contemporary English*. Longman.
- Lewis, E. C. (1970). *The psychology of counseling*. Holt, Rinehart and Winston.
- Manaf, K. A. (1995). *Kaunseling Islam: perbandingan antara amalan dan teori kaunseling barat*. Utusan Publications.
- Rogers, C. R. (1942). Counseling and psychotherapy; newer concepts in practice.
- Salleh, A. (1993). *Kaunseling Islam asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Seden, J. (2005). *Counselling skills in social work practice*. McGraw-Hill Education (UK).

Taha, F. A. A. Q. (1993). Mawsu 'ah Ilm al-Nafs wa al-Tahlil al-Nafsiy. *Kaherah: Suad al-Sabah.*

Teuku Iskandar(1989), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: D.B.P. hal 542.

Watson, D., & West, J. (2006). *Social work process and practice: Approaches, knowledge and skills*. Palgrave Macmillan.

Zahran, H. A. S. (1987), *Qamus 'Ilm al-Nafs*, al-Qahirah, 'Alam al-Kutub, hal 21

## PENULIS

Ruzaini Ijon (MSW) merupakan pensyarah Jabatan Sains Kemanusiaan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau pernah dilantik sebagai penyelaras kursus USK4012 Kemasyarakatan dan Pembangunan Ekonomi (2014-2017). Beliau menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda dalam bidang Kerja Sosial dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2009. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Kerja Sosial di universiti yang sama dan bergraduasi pada tahun 2011. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Kerja Sosial. Beliau pernah berkhidmat selama dua tahun di Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan Aids (AARG), USM sebagai pekerja temuseru (outreach worker). Sepanjang perkhidmatan dengan AARG, beliau bekerja dengan komuniti pengguna dadah yang menyuntik di bawah Program Pengurangan Kemudarat.

Nik Yusri Musa (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Kepakaran beliau ialah dalam bidang pengajian Islam al-Quran, al-Hadis dan ketamadunan. beliau pernah diamanahkan sebagai Ketua Jabatan Sains Kemanusiaan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah. (PBI UMK)